

BENGKEL COACHING LARAVEL WEB DEVELOPMENT ADVANCED BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TAHUN 2023

KUANTAN, 23 OKTOBER 2023 – Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah berjaya menganjurkan **Bengkel *Coaching Laravel Web Development Advanced*** pada 23 hingga 25 Oktober 2023 bertempat di Bilik Latihan ICT 1, Perpustakaan Awam Pahang.

Bengkel ini dikendalikan oleh tenaga pengajar daripada syarikat *Favourite Trainer* dan melibatkan seramai 10 orang peserta daripada Unit Pembangunan, Bahagian Teknologi Maklumat. Bengkel ini diadakan adalah untuk mengukuhkan dan memantapkan tahap pengetahuan aplikasi pembangunan menggunakan *Laravel Framework* dalam pembangunan aplikasi pembangunan yang dapat membantu mempercepatkan tempoh masa pembangunan sistem aplikasi.

Bengkel ini diharapkan dapat memantapkan dan mengukuhkan kemahiran personel ICT dalam pembangunan web aplikasi menggunakan *Framework Laravel* dan memastikan personel ICT mencapai tahap kemahiran yang konsisten.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

Oleh: Bahagian Teknologi Maklumat, Wisma Sri Pahang

Foto: Sumber BTM

(LIPUTAN BERGAMBAR)



